



PENYAKIT
KELAMIN

Sexually Transmitted
Infection (STI)



**UNIT HIV/STI
JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH**

APAKAH PENYAKIT KELAMIN?

Penyakit yang menjangkiti seseorang kepada seseorang yang lain melalui hubungan seksual.

Penyakit yang disebarkan oleh pasangan yang mempunyai jangkitan.

Jangkitan tersebar melalui hubungan zakar-faraj, mulut (oral) atau dubur (anal).


Penyakit ini disebabkan oleh lebih daripada 30 jenis kuman/virus/kulat.



Antara jangkitan kelamin yang mungkin dialami ..

- **HIV**
- **Gonorrhea**
- **Sifilis**
- **Chancroid**
- **Trichomoniasis**
- **Candidiasis**
- **Hepatitis B/C**
- **Herpes Genitalis**
- **Chlamydia**


APAKAH TANDA-TANDA PENYAKIT KELAMIN?



- ▶ Lelehan luarbiasa daripada salur kencing/dubur
- ▶ Sakit ketika kencing
- ▶ Bengkak pada alat kelamin/ari-ari
- ▶ Ulser/luka pada alat kelamin
- ▶ Kutil pada alat Kelamin
- ▶ Sakit ketika berhubungan intim



- ▶ Lelehan luarbiasa daripada faraj
- ▶ Gatal pada alat kelamin
- ▶ Sakit pada ari-ari
- ▶ Sakit ketika kencing
- ▶ Bengkak pada alat kelamin/ari-ari
- ▶ Ulser/luka pada alat kelamin
- ▶ Kutil pada alat Kelamin
- ▶ Sakit ketika berhubungan intim
- ▶ Sakit di bahagian bawah perut (*pelvic area*)



Adakah terdapat rawatan untuk penyakit kelamin?

YA!!

Sila dapatkan nasihat doktor sekiranya anda pernah atau sedang mengalami simptom.

Rawatan berbentuk antibiotik/antiviral/antifungal akan diberikan kepada pesakit.




Kenapa simptom terus kekal/berulang walaupun telah mengambil rawatan?

1. Rawatan tidak diambil seperti disaran oleh doktor.
2. Masih melakukan hubungan seksual tidak selamat (seks bebas/tanpa kondom)
3. Hanya anda yang dirawat, manakala pasangan yang dijangkiti tidak dirawat.
4. Organisma tidak sensitif pada rawatan yang diberikan. Anda harus memaklumkan doktor anda supaya rawatan yang lebih sesuai boleh diberikan.

APAKAH KOMPLIKASI SEKIRANYA SAYA TIDAK DIRAWAT?

- ▶ Penyakit radang pelvis(Pelvic Inflammatory Disease)
- ▶ Kemandulan
- ▶ Kebengkakan kelenjar limfa
- ▶ Merosakkan buah pinggang
- ▶ Kerosakan otak, jantung atau tulang (dikaitkan dengan Sifilis)
- ▶ AIDS (sekiranya anda dijangkiti HIV)
- ▶ Kanser pangkal rahim



CARA MENGHINDARKAN DIRI DARIPADA DIJANGKITI

Elakkan Seks
Sebelum Berkahwin

Elakkan Seks Bebas

Setia Kepada
Pasangan Anda

Ketahui Status
Kesihatan Pasangan
Anda

Penggunaan
kondom



TAHUKAH ANDA?

Orang yang menghidap penyakit kelamin **lebih berisiko** untuk dijangkiti HIV.



- Pekerja Seks
- Pernah Menerima/Memberi Perkhidmatan Seks
- Penagih Dadah Suntikan
- Berbilang Pasangan Seks
- Pasangan Sejenis
- Melakukan Seks Sebelum Berkahwin

Sekiranya jawapan anda adalah YA untuk mana-mana kriteria di atas atau mempunyai tanda-tanda PENYAKIT KELAMIN, sila kunjungi mana-mana Klinik Kesihatan berhampiran bagi mengetahui status HIV anda .



KESIHATAN ANDA KEUTAMAAN KAMI..

STI CLIENT FRIENDLY CLINIC DI KEDAH

(K.Pasu)	KK Ayer Hitam	: 04-7942101
(K. Pasu)	KK Changlun	: 04-0241277
(Kuala Muda)	KK Bandar Sungai Petani	: 04-4213355
(Kuala Muda)	KK Bakar Arang	: 04-4220294
(Kota Setar)	KK Bandar Alor Setar	: 04-7332359
(Kota Setar)	KK Kuala Kedah	: 04-7621526
(Langkawi)	KK Kuah	: 04-9668030
(Kulim)	KK Bandar Kulim	: 04-949000

ANTARA KLINIK KESIHATAN DI DAERAH LAIN, KEDAH:

(Baling) KK Kupang	: 04-4766355
(Bandar Baharu) KK Bandar Baharu	: 04-7178232
(P.Terap) KK Naka	: 04 047851229
(Pendang) KK Pendang	: 04-7596412
(Sik) KK Jeniang	: 04-044641200
(Yan) KK Guar Cempedak	: 04-4683155